

## **Tambah enam tren baru**

---

SEPANG : Kapasiti keseluruhan penumpang Express Rail Link Sdn Bhd(ERL) dijangka meningkat sehingga 50 peratus susulan pelancaran enam tren baru untuk perkhidmatan KLIA Ekspres dan KLIA Transit, semalam.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata enam tren yang akan memulakan operasi hari ini juga bakal meningkatkan kekerapan perkhidmatan KLIA Transit pada waktu puncak daripada 20 minit kepada 15 minit.

“Sehingga kini, ERL sudah memberi perkhidmatan kepada kira-kira 88 juta penumpang dan membantu mengurangkan kesesakan jalan raya dan menggalakkan peralihan daripada kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam,” katanya pada sidang media selepas melancarkan enam tren ERL baru di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam.

---

**SUMBER: HARIAN METRO | M/S: 71 | 14 MAC 2018**